



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Ahli Kumpulan PIDM

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman : www.poi2u.com

Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121

SST Registration No./ No. CP - W10-1808-31021805

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK Polisi Mesin Semua Risiko

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Semua Risiko Mesin. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Pacific & Orient Insurance Co. Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan insurans terhadap kehilangan atau kerosakan kepada mesin yang diinsuranskan ketika berada dalam situasi seperti keadaan yang dinyatakan yang terhasil daripada apa-apa sebab.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kehilangan atau kerosakan kepada mesin yang diinsuranskan ketika berada dalam situasi seperti keadaan yang dinyatakan dalam polisi yang terhasil daripada apa-apa sebab. Pampasan akan disediakan secara membaiki, memulihkan barang yang rosak atau bahagian daripadanya atau membayar jumlah kerosakan dengan wang, pada pilihan syarikat insurans.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.

3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, risiko terdedah dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	▪ 25% daripada premium
▪ Duti setem	▪ RM10
▪ Cukai Perkhidmatan (CP)	▪ 6% daripada premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan:
 - a) Kontrak Insurans Pengguna
 - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

 - Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- b) Kontrak Insurans Komersial
- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda mesti pastikan borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ia merupakan asas kontrak insurans.
 - Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh berkuatkuasanya polisi. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan kami berhak mengenakan bayaran premium secara pro rata bagi tempoh kami menanggung risiko.
 - Anda hendaklah mengambil segala langkah untuk memastikan mesin dalam keadaan baik.
 - Apabila berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan atau yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, anda hendaklah:
 - a. Memberi notis kepada kami secepat mungkin.
 - b. Mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengekalkan apa-apa barang yang mungkin diperlukan atau berguna sebagai bukti yang berkaitan dengan mana-mana tuntutan.
 - c. Mengambil segala langkah yang praktikal untuk mendapat balik mana-mana mesin, termasuk dalam keadaan kehilangan harta, kecurian atau kerosakan yang disengajakan, pemberian notis dengan segera kepada polis.
 - Anda mesti mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat, fasal dan pengendorsan polisi ini.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Kegagalan mekanikal atau elektrik atau mesin menjadi terlalu panas;
- Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh:
 - a. Ujian yang melibatkan pengenaan keadaan tidak normal, muatan berlebihan yang disengajakan atau ujikaji;
 - b. Kerosakan atau kecacatan yang diketahui anda atau mana-mana kakitangan anda yang bertanggungjawab pada masa kontrak diatitkan dan tidak didedahkan kepada kami;
 - c. Sebarang proses rawatan pemanasan, kimpalan, pengisaran, pemotongan, penggerudian, pembentukan, atau penggunaan alat untuk mesin selain daripada untuk tujuan mengangkat atau menggerakkannya;
- Kecurian atau penukaran mana-mana bahagian mesin oleh penyewa mesin tersebut atau pekerja atau ejennya;

- Perbaiki atau penggantian yang diperlukan kerana haus, kakisan, hakisan, deposit besi, enapcemar, atau sedimen lain atau sebarang akibat langsung lain dari influensi progresif atau berterusan oleh tindakan bekerja, atmosfera atau kimia, karat atau calar pada permukaan yang dicat atau digilap; dan
- Kerugian lanjutan, ganti rugi atau penalti bagi kelewatan atau penahanan atau berkaitan dengan penjaminan prestasi atau kecekapan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami;
- Kami juga boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis 10 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat anda yang terakhir; dan
- Sekiranya pembatalan dibuat oleh kami, kami akan memulangkan kepada anda bahagian bersekadar premium yang bersamaan dengan tempoh insurans yang belum lupus.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Ia adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans semua risiko mesin, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
 Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,
 No. 10, Jalan Raja Laut,
 50350 Kuala Lumpur.
 Tel : 03-2698 5033
 Faks : 03-2693 8145
 E-mel : poi2u@pacific-orient.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans semua risiko mesin yang boleh didapati:

- Semua risiko

NOTA PENTING:

ANDA MESTI PASTIKAN MESIN ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSEKADAR MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01.10.2023.